

**NO. SOALAN: 12**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI  
[ SIBUTI ]**

**TARIKH : 03 JULAI 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 12**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menangani masalah buli terhadap orientasi seksual pelajar dan apakah langkah Kementerian mengurus masalah isu orientasi seksual secara berhemah.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memandang serius dan mengambil langkah proaktif dalam membendung gejala buli termasuk terhadap orientasi seksual murid dan pelajar di institusi pendidikan tinggi. Inisiatif KPM melalui program berterusan pembangunan insan khasnya untuk mengurus isu berkaitan orientasi seksual adalah signifikan dan dapat meningkatkan nilai jati diri murid dan pelajar yang berkenaan.

## **SEKOLAH**

KPM di bawah Inisiatif 110 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2025 Pembangunan Nilai, Sahsiah dan Perpaduan di sekolah, berusaha melaksana dan menangani isu berkaitan gejala sosial yang meningkat dan melahirkan warganegara yang mempunyai kualiti dalam semua aspek kehidupan baik dari segi pendidikan, tingkah laku (moral), pekerjaan, cara berfikir dan bertindak, kesedaran sivik yang tinggi serta sedar peranan mereka kepada agama, masyarakat dan negara. Inisiatif ini juga bertujuan untuk melahirkan warganegara yang mempunyai kualiti dalam semua aspek kehidupan baik dari segi pendidikan, tingkah laku (moral), cara berfikir dan bertindak, kesedaran sivik yang tinggi serta sedar peranan mereka kepada agama, masyarakat dan negara.

Di peringkat sekolah juga terdapat Program Kaunseling Berfokus melalui Modul Program Jalinan Kasih yang dirangka meliputi aspek pencegahan, pembangunan diri dan pemulihan kepada murid-murid terlibat.

KPM dengan kerjasama Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) akan memperluaskan program Pendidikan Kesihatan Reproktif dan Sosial Remaja (PEKERTI). Program ini bertujuan untuk memberi kesedaran berkaitan pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial dalam kalangan murid bagi menghindari tingkah laku seksual berisiko. Selain itu, bagi memperkuatkan kesedaran terhadap orientasi seksual, KPM melaksanakan Bengkel

## **NO. SOALAN: 12**

Kejurulatihan yang melibatkan guru serta murid menggunakan modul Cakna Diri Lelaki akan dijadikan sebagai rujukan oleh guru dan murid sepanjang program ini dijalankan yang dibangunkan dengan kerjasama LPPKN.

Di samping itu pelaksanaan aktiviti kokurikulum secara menyeluruh di sekolah bagi mewujudkan ruang lebih luas terhadap inisiatif membangunkan sahsiah murid terutamanya dalam usaha menyemai dan memperkuuh nilai-nilai murni di samping membanteras kegiatan tidak bermoral serta dapat mengamalkan gaya hidup sihat.

### **INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI (IPT)**

Di peringkat institusi pendidikan tinggi (IPT) pula, pebagai program yang berkaitan telah dijalankan, termasuk Pembimbing Rakan Sebaya (PRS), sesi kaunseling percuma daripada Pusat Perubatan Universiti dan program mentor mentee.

Peranan aktif juga dimainkan oleh Pengetua Kolej Kediaman dengan kerjasama penuh daripada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam memantau pergerakan pelajar di universiti bagi memastikan gejala buli dapat dibasmi dan dibanteras sepenuhnya.

Di samping itu, peruntukan di bawah Seksyen 15D Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 ada menyatakan tentang penggantungan dan pembuangan pelajar yang dipertuduh atas suatu kesalahan jenayah atau kesalahan jenayah dibuktikan. Ini membuktikan bahawa KPM tidak mengambil ringan terhadap kes-kes yang berkait salah laku pelajar IPT. Penguatkuasaan undang-undang adalah penting bagi memastikan kesalahan jenayah dalam kalangan pelajar tidak berleluasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK WIRA MAS ERMIEYATI BT.  
SAMSUDIN**

**TARIKH : 3 JULAI 2019**

**RUJUKAN : 11642**

**SOALAN NO.**

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah terkini yang diambil oleh PDRM dalam usaha mengatasi masalah kehilangan kanak-kanak yang semakin meningkat saban tahun

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) memandang serius isu kehilangan kanak-kanak ini. Dalam perkara ini, antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh pihak PDRM adalah dengan menggunakan Talian Nur. Talian ini dipantau sepenuhnya oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dengan dibantu oleh PDRM dan agensi-agensi kerajaan yang lain untuk menangani kes-kes seperti ini termasuklah kes yang melibatkan jenayah terhadap kanak-kanak.

Di samping itu, PDRM juga telah bekerjasama dengan KPWKM melalui NUR Alert iaitu sistem amaran bagi kes kehilangan kanak-kanak yang berumur 12 tahun ke bawah. Sistem ini melibatkan kerjasama 39 orang petugas daripada pelbagai kementerian, jabatan, agensi kerajaan, swasta dan agensi bukan kerajaan (NGO). Cara kerja sistem NUR Alert ini adalah di mana hebahan pertama berkaitan kehilangan kanak-kanak daripada PDRM dan kemudiannya akan dipantau oleh Pasukan Petugas Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

Selain itu juga, PDRM telah mempertingkatkan usaha untuk menyebarluaskan kewujudan Portal Rasmi Kanak-Kanak Hilang bagi mendapatkan maklumat daripada masyarakat. Dengan usaha mempromosikan Portal ini supaya masyarakat dapat menyebarkan dan menyalurkan maklumat kepada pihak polis dalam membantu usaha mengesan dan mencari kanak-kanak hilang. Di antara pendekatan yang telah diambil:

1. Program *Fun Run* yang melibatkan jabatan/agensi kerajaan dan bukan kerajaan. PDRM mendekati masyarakat dengan memberi penerangan dan penjelasan serta mengedarkan risalah berkaitan portal.

2. PDRM juga telah memuat naik video Portal Rasmi Kanak-Kanak Hilang ke laman sosial seperti *youtube* dan *facebook* dimana merupakan media sosial yang digemari oleh masyarakat agar lebih peka dan prihatin dengan maklumat kehilangan kanak-kanak di Malaysia.
3. Mengembangkan sayap dalam membuat hebahan Portal dengan kerjasama pengusaha pengangkutan awam (TEKSI) dengan memuatnaik dalam Sistem *My Rodeo*.
4. Menjalankan kolaborasi bersama syarikat telekomunikasi DIGI dengan mengadakan ceramah/kempen kesedaran jenayah menerusi program ‘*saya sayang saya*’ bagi memberi pendedahan terhadap pelajar-pelajar sekolah supaya tidak menjadi mangsa kanak-kanak hilang.

Bagi kes kehilangan yang melibatkan elemen culik pula, PDRM telah menubuhkan Cawangan dan Operasi yang khusus iaitu Ops Scorpions untuk mengendalikan sebarang kes penculikan termasuklah yang melibatkan kanak-kanak yang berlaku di seluruh negara.

Selain itu, pihak polis juga menjalankan program untuk memberi kesedaran kepada orang ramai agar menutup segala ruang dan peluang kepada penjenayah untuk melakukan jenayah dengan mengambil langkah pencegahan seperti tidak membiarkan anak-anak mereka untuk bergerak atau bermain bersendirian atau bercakap dengan orang yang tidak dikenali ketika berada di luar rumah. Di samping itu, ibu bapa dan penjaga juga perlu sentiasa mengingatkan anak-anak tentang keselamatan diri dan tindakan-tindakan yang perlu diambil jika berlaku keadaan kecemasan.